



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KESAN PENGGUNAAN PELBAGAI MEDIA PENGAJARAN
KE ATAS PRESTASI PENULISAN KARANGAN
PELAJAR MENENGAH ATAS**

RAFIEI BIN HJ MUSTAPHA

FPP 1994 8

**KESAN PENGGUNAAN PELBAGAI MEDIA PENGAJARAN
KE ATAS PRESTASI PENULISAN KARANGAN
PELAJAR MENENGAH ATAS**

RAFIEI BIN HJ MUSTAPHA

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

1994



**KESAN PENGGUNAAN PELBAGAI MEDIA PENGAJARAN
KE ATAS PRESTASI PENULISAN KARANGAN
PELAJAR MENENGAH ATAS**

OLEH

RAFIEI BIN HJ MUSTAPHA

**Tesis yang Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat Bagi Mendapatkan Ijazah
Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia**

June 1994



PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Illahi kerana atas keizinan dan hidayatnya penyelidikan serta penulisan tesis yang merupakan sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan UPM Serdang ini dapat diselesaikan.

Sepanjang proses penyelidikan dan penulisan tesis ini, penulis banyak menerima sumbangan sama ada dalam bentuk nasihat dan sokongan moral atau kemudahan fizikal daripada pelbagai pihak. Penulis terhutang budi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menganugerahkan biasiswa dan cuti belajar untuk membolehkan penulis mengikuti kursus tersebut secara sepenuh masa.

Penulisan tesis ini sentiasa mendapat bimbingan daripada Jawatankuasa Penyeliaan yang terdiri daripada Dr. Naim Hj. Ahmad (pengerusi), Dr. Rohani Ahmad Tarmizi dan Dr. Jamali Ismail serta juga Cik Faridah Halimi (sehingga Mei 1993). Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada mereka. Demikian juga kepada para pensyarah di Jabatan Bahasa dan Jabatan Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM. Ilmu yang ditimba melalui kuliah-kuliah mereka



yang berkenaan merupakan ramuan asas dalam penulisan tesis ini.

Penulis juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Haji Mahmud Salleh serta Unit TV Pendidikan, Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia di atas sumbangan berbentuk rakaman video program TV Pendidikan yang merupakan bahan penting penyelidikan ini. Begitu juga kepada pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Sarawak di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh pengajian penulis di UPM, Serdang.

Kepada Pengetua SMK Abang Haji Abdul Gapor, Kuching, guru-guru serta pelajar-pelajar tingkatan lima sesi 1992, penulis rakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan di atas kebenaran dan kerjasama yang diberikan semasa penulis menjalankan kajian di sekolah tersebut. Ucapan yang sama juga diberikan kepada Encik Ali bin Haji Mahmood yang turut memeriksa dan menilai karangan pelajar yang dijadikan sampel kajian ini.

Penulis juga terhutang budi kepada Cik Norita Zulkifli yang membantu penulis dalam pemprosesan data berkomputer dan Encik Muhammad bin Hj. Abu Daud yang mengedit sebahagian daripada tesis ini.

Penghargaan yang khusus ditujukan kepada isteri penulis, Kasma Hj. Ibrahim serta anak-anak, Ahmad Tarmizi, Ainul Fariza, Anas Fahmi dan Aimi Farhana yang banyak bersabar dan berkorban sepanjang tempoh pengajian penulis di UPM. Begitu juga ibu bapa penulis, Hj. Mustapha Meon dan Hajjah Khadijah Hj. Abd. Rahman dan adik-beradik yang sentiasa memberi galakan dan semangat serta doa yang berterusan.

Kepada semua yang terlibat termasuk mereka yang tidak disebut dalam ruang yang terbatas ini, penulis mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Semoga sumbangan mereka mendapat ganjaran berganda dari Allah s.w.t.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	x i i
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Perkembangan Media Pengajaran di Malaysia	3
Pernyataan Masalah	5
Objektif Kajian	9
Kepentingan kajian	11
Hipotesis Kajian	14
Batasan Kajian	16
Definisi Operasional	17



	Kesan	17
	Ujian Pra	17
	Ujian Pasca	17
	Kumpulan Eksperimen 1 (KE1)	17
	Kumpulan Eksperimen 2 (KE2)	18
	Kumpulan Eksperimen 3 (KE3)	18
	Kumpulan Kawalan (KK)	19
	Kaedah Pengajaran Tradisional	18
	Penggunaan Pelbagai Media	19
	Prestasi Penulisan Karangan	20
	Pelajar Menengah Atas	20
11	SOROTAN LITERATUR	21
	Teori Behaviorisme Kognitif	22
	Kepentingan Media dalam Pengajaran	24
	Kesan Media Cetak Terhadap Pemahaman dan Penulisan	29
	Kesan Media Televisyen Ke Atas Prestasi Pembelajaran	33
	Kesan Media Audio ke Atas Kemahiran Mengarang	39
	Kajian Umum Penggunaan Media Dalam Pengajaran BM	43
	Rumusan Sorotan Kajian Berkaitan	47

111	METODOLOGI PENYELIDIKAN	53
	Kerangka Teoritikal Kajian	53
	Kerangka Konseptual Kajian	56
	Rekabentuk Kajian	59
	Kumpulan Eksperimen 1 (KE1)	60
	Kumpulan Eksperimen 2 (KE2)	60
	Kumpulan Eksperimen 3 (KE3)	61
	Kumpulan Kawalan (KK)	61
	Ujian Pra dan Ujian Pasca	61
	Tempat Kajian	62
	Populasi Kajian	63
	Persampelan	64
	Media Rangsangan Pengajaran	65
	Media Bercetak	65
	Media Audio	66
	Media Video	66
	Instrumen Kajian	66
	Pembolehubah Kajian	67
	Pembolehubah Bebas (IV)	67
	Pembolehubah Bersandar (DV)	68
	Kesahan Media Rangsangan	68
	Media Bercetak	68

Media Audio	69
Media Video	69
Prosedur Penilaian Hasil Ujian	69
Prosedur Pengumpulan Data	70
Pemrosesan Data	71
IV DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	73
Kesan Rangsangan Dalam Kumpulan Sampel	74
Rangsangan Media Bercetak	74
Gabungan Rangsangan Media Bercetak dan Audio	75
Gabungan Rangsangan Media Bercetak dan Video	76
Kaedah Pengajaran Tradisional	77
Perbandingan Kesan Rangsangan Media dan Gabungan Media dengan Kaedah Pengajaran Tradisional	78
Rangsangan Media Bercetak dengan Kaedah Pengajaran Tradisional	80
Gabungan Media Bercetak dan Audio dengan Kaedah Pengajaran Tradisional	82
Gabungan Media Bercetak dan Video dengan Kaedah Pengajaran Tradisional	84
Perbandingan antara Semua Kumpulan	85

	Perbincangan	89
	Kesan Rangsangan Dalam Kumpulan Sampel	89
	Perbandingan Kesan Rangsangan Media dan Gabungan Media dengan Kaedah Pengajaran Tradisional	94
	Perbandingan Antara Semua Kumpulan Sampel	98
V	KESIMPULAN DAN CADANGAN	99
	Kesimpulan	99
	Implikasi Kajian	101
	Implikasi Terhadap Teori Pembelajaran	102
	Implikasi Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran Karangan	105
	Implikasi Terhadap Guru BM	108
	Implikasi Terhadap Sekolah dan Institusi Pendidikan	109
	Implikasi Terhadap Kementerian Pendidikan	112
	Cadangan	115
	Cadangan Penyelidikan Selanjutnya	117
	BIBLIOGRAFI	119

LAMPIRAN

A	Rencana Perindustrian Tempatan.....	126
B	Jadual Tambahan.....	133
C	Rancangan Mengajar Kumpulan Kaedah Pengajaran Tradisional (KK).....	137
D	Kriteria Pemarkahan Karangan.....	141
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian.....	144
VITA	145

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Analisis Keputusan Mata Pelajaran BM SPM 1991/1992 SMKAG	63
2	Analisis Perbezaan Prestasi Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Media Bercetak	74
3	Analisis Perbezaan Prestasi Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca (Bercetak dan Audio)	76
4	Analisis Perbezaan Prestasi Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca (Bercetak dan Video)	77
5	Analisis Perbezaan Prestasi Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca (Pengajaran Tradisional)	78
6	Analisis Kovarians Prestasi Penulisan Karangan (Media Bercetak dengan Pengajaran Tradisional)	81
7	Analisis Kovarians Prestasi Penulisan Karangan (Media Bercetak dan Audio dengan Pengajaran Tradisional)	82
8	Analisis Kovarians Prestasi Penulisan Karangan (Media Bercetak dan Video dengan Pengajaran Tradisional)	84
9	Min Prestasi Penulisan Karangan Bagi Semua Kumpulan	86
10	Analisis Kovarians Antara Kumpulan	87
11	Ujian Scheffe Prestasi Penulisan Karangan Antara Kumpulan	88
12	Skor Min Kumpulan dalam Ujian Pra	95



13	Skor Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Media Bercetak (KE1)	133
14	Skor Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Media Bercetak dan Audio (KE2)	134
15	Skor Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Media Bercetak dan Video (KE3)	135
16	Skor Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kaedah Pengajaran Tradisional (KK)	136



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Kon Pengalaman Dale	27
2	Kerangka Teoritikal Kajian	55
3	Kerangka Konseptual Kajian	58
4	Model Rekabentuk Kumpulan Kawalan Ujian Pra dan Ujian Pasca Campbell dan Stanley	59



SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Maksud
FPN	= Falsafah Pendidikan Negara.
KBSR	= Kurikulum Baru Sekolah Rendah.
KBSM	= Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.
APD	= Alat Pandang Dengar.
BM	= Bahasa Melayu.
BI	= Bahasa Inggeris.
BC	= Bahasa Cina.
BT	= Bahasa Tamil.
VCR	= Video Casette Recorder. (perakam kaset video).
PKG	= Pusat Kegiatan Guru.
SPM	= Sijil Pelajaran Malaysia.
BTP	= Bahagian Teknologi Pendidikan.
PPK	= Pusat Pengembangan Kurikulum.
BPG	= Bahagian Pendidikan Guru.
AECT	= Association of American Educational Technology.
IV	= Independent Variable (Pembolehubah Bebas).



DV	=	Dependent Variable (Pembolehubah Bersandar).
R	=	Kumpulan Rawak.
X	=	Rawatan Pembolehubah Bebas.
n	=	Bilangan Sampel.
KE1	=	Kumpulan Eksperimen 1.
KE2	=	Kumpulan Eksperimen 2.
KE3	=	Kumpulan Eksperimen 3.
KK	=	Kumpulan Kawalan.
SMKAG	=	Sekolah Menengah Kerajaan Abdul Gapor.
SPSS	=	The Statistical Package for Social Sciences.
SP	=	Sisihan Piawai.
hlm.	=	Halaman.
JKD	=	Jumlah Kuasa Dua.
DK	=	Darjah Kebebasan.
MKD	=	Min Kuasa Dua.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan ijazah Master Sains.

**KESAN PENGGUNAAN PELBAGAI MEDIA PENGAJARAN
KE ATAS PRESTASI PENULISAN KARANGAN
PELAJAR MENENGAH ATAS**

Oleh

RAFIEI B HAJI MUSTAPHA

DISEMBER 1993

Pengerusi: Naim bin Haji Ahmad, Ed.D.

Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan

Kajian eksperimental ini bertujuan untuk melihat kesan penggunaan media bercetak, gabungan media bercetak dengan audio dan gabungan media bercetak dengan video ke atas prestasi penulisan karangan pelajar peringkat menengah atas. Sampel kajian terdiri daripada 80 orang pelajar berumur antara 17 hingga 18 tahun dari dua buah kelas tingkatan lima Sekolah Menengah Kerajaan Datuk Patinggi Abdul Gapor, Kuching, Sarawak. Kajian ini menggunakan Rekabentuk Kumpulan Kawalan Ujian Pra dan Ujian Pasca (Pretest-posttest Control Group Design). Sampel dibahagikan secara rawak kepada empat kumpulan iaitu KE1, KE2, KE3 dan KK yang mengandungi 20 orang pelajar bagi setiap kumpulan. KE1 didedahkan dengan rangsangan media bercetak, KE2 didedahkan dengan gabungan rangsangan media bercetak dan audio, KE3 didedahkan dengan gabungan rangsangan media

bercetak dan video sementara KK yang merupakan kumpulan kawalan didedahkan dengan kaedah pengajaran tradisional. Ujian pra diberikan serentak kepada semua kumpulan sampel. Ujian pasca dijalankan empat hari kemudiannya iaitu sebaik sahaja setiap kumpulan didedahkan kepada rangsangan media, pelbagai media atau kaedah pengajaran tradisional yang telah ditetapkan. Ujian-t bagi Dua Min Sampel Bersandar, Analisis Kovarians dan Ujian Scheffe digunakan dalam penganalisan data. Aras signifikan untuk semua pengujian statistik ialah 0.05.

Dapatan kajian menunjukkan rangsangan media bercetak (KE1) dan gabungan rangsangan media bercetak dengan video (KE3) telah meningkatkan prestasi pelajar dalam penulisan karangan. Gabungan rangsangan media bercetak dengan audio (KE2) dan kaedah pengajaran tradisional (KK) tidak meningkatkan prestasi pelajar dalam penulisan karangan. Prestasi dalam penulisan karangan pelajar yang dirangsang dengan media bercetak (KE1), gabungan media bercetak dengan audio (KE2) dan gabungan media bercetak dengan video (KE3) adalah lebih baik daripada prestasi dalam penulisan karangan pelajar yang diajar dengan kaedah pengajaran tradisional (KK). Hasil kajian juga mendapati gabungan media bercetak dengan video (KE3) merupakan rangsangan yang mendatangkan kesan paling tinggi, sementara kaedah pengajaran tradisional (KK) mendatangkan kesan paling rendah terhadap prestasi pelajar dalam penulisan karangan.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

**THE EFFECTS OF USING MULTI-MEDIA IN TEACHING
ON THE PERFORMANCE OF UPPER SECONDARY STUDENTS
IN COMPOSITION WRITING**

BY

RAFIEI B HAJI MUSTAPHA

December 1993

Chairman : Naim Haji Ahmad, Ed.D.

Faculty : Educational Studies

An experimental study was carried out to find the effects of using multi-media viz. printed materials, the combination of audio and printed materials, the combination of video and printed materials in teaching on the performance in composition writing of upper secondary students. The samples of the study comprising 80 students in the age group 17 to 18 years were taken from two classes of form five from a national secondary school, Sekolah Menengah Abdul Gapor, Kuching, Sarawak. The study adopted the method of Pre-test Post-test Control Group Design. The students randomly selected, were divided into four groups of 20 viz. KE1, KE2, KE3 and KK. Group KE1 was exposed to the stimulus in the form of printed materials, KE2 to the combination of audio and printed materials, KE3 to



the stimulus in the form of video and printed materials while the control group, KK was exposed to the traditional class teaching punctuated with question-answer sessions. A Pre-test was given simultaneously to all the samples while the post-test was administered four days later after the samples had been exposed to the stimulus.

Statistical tools employed in analysing the data were the t-test for the means of two dependent groups, analysis of co-variance and Scheffe test. The level of significance for all the tests was 0.05. It was deduced from the findings that the stimulus provided by the printed materials (KE1) and the combination of video and printed materials (KE3) were found effective in improving the students performance in composition writing. However it was noted that the stimulus provided for KE2 (the combination of audio and printed materials) and the stimulus provided for KE4 (where traditional method of teaching was employed) were not effective in enhancing the students performance. It was also noted that the combination of video and printed materials (KE3) proved to be the most effective stimulus in composition writing, while the traditional class teaching with question-answer sessions was found to be the least effective in improving the student performance in composition writing.

BAB 1
PENDAHULUAN
Pengenalan

Malaysia sedang melalui perkembangan teknologi yang pesat. Untuk memastikan Malaysia terus maju dan membangun, negara memerlukan warga negara yang bukan sahaja rajin, berdisiplin dan bermoral tinggi tetapi berilmu, memiliki teknologi, berkeyakinan diri, berdikari, berinisiatif, produktif dan mengetahui apa yang berlaku di sekelilingnya. Warga negara sedemikian rupa hanya dapat dibentuk melalui proses pendidikan.

Matlamat akhir pendidikan dinyatakan dengan jelas dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang berbunyi:

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara" (Kementerian Pendidikan, 1989).



Berdasarkan kepada FPN, perubahan-perubahan besar dalam kurikulum sekolah telah dibuat dalam tahun 1980-an. Perubahan atau pembaharuan yang dimaksudkan ialah Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). KBSR dan KBSM memberi penumpuan kepada pembelajaran berpusatkan murid. Oleh itu strategi pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja menggalakkan penyertaan pelajar secara aktif tetapi juga memberi perhatian yang sewajarnya kepada persekitaran, budaya, kepekaan serta keperluan setiap murid (Kementerian Pendidikan, 1992: 65).

Dengan itu adalah jelas bahawa guru bukan hanya berfungsi sebagai pemberi pengetahuan menerusi strategi pengajaran dan pembelajaran yang didaktik, tetapi adalah juga menjadi fasilitator pembelajaran. Guru perlu menggunakan kebolehan serta kemahiran kreatifnya untuk mendidik setiap pelajar. Jika diteliti tentang peranan guru dalam konteks KBSR dan KBSM nyatalah penentuan mengenai sumber pembelajaran amat penting untuk membolehkan guru menjalankan tugas dengan berkesan. Dalam pelaksanaan program KBSR dan KBSM, penggunaan strategi pembelajaran berasaskan sumber haruslah diutamakan supaya dapat menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Penekanan diberikan kepada teknologi pendidikan untuk membantu pembentukan strategi pengajaran yang relevan dan memberangsangkan.

Bagi memenuhi keperluan dan tanggungjawab berkaitan dengan perubahan serta cabaran tersebut, guru perlu bersedia meningkatkan pencapaian pembelajaran

pelajar. Di samping itu guru perlu bersedia meningkatkan pelbagai idea dan kemahiran tentang proses, prosedur dan alatan baru yang boleh digunakan bagi tujuan memperbaiki serta meningkatkan pencapaian pembelajaran pelajar.

Perkembangan abad ini yang mengalami ledakan pengetahuan dan teknologi maklumat mendedahkan kebanyakan pelajar kepada pelbagai media canggih seperti radio, video, televisyen dan komputer, di mana sebahagiannya sudah menjadi peralatan biasa di rumah. Situasi ini sudah tentu membentuk satu pengharapan yang tinggi dalam diri pelajar berhubung dengan penggunaan media berkenaan semasa mengikuti pengajaran guru di sekolah.

Perkembangan Media Pengajaran Di Malaysia

Penggunaan media dalam pengajaran di negara ini sudah bermula sejak tahun 1950-an. Penubuhan Jawatankuasa APD Negeri pada tahun 1950-an merupakan usaha awal ke arah penggunaan media dalam pengajaran secara yang lebih berorganisasi.

Usaha memperkembangkan penggunaan media di sekolah diteruskan dengan mengadakan Perkhidmatan Siaran Ke Sekolah melalui media radio. Langkah tersebut yang mengendalikan rancangan pelajaran Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris (BI), Bahasa Cina (BC) dan Bahasa Tamil (BT) bertujuan menyokong dan melengkap aktiviti pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah. Siaran Radio

Pendidikan ini telah diperluaskan ke sekolah menengah pada tahun 1967 (Kementerian Pendidikan, 1992: 4).

Selaras dengan perkembangan teknologi dalam kehidupan masyarakat, bidang pendidikan formal turut berubah terutama daripada segi peralatan yang digunakan dalam pengajaran. Sehubungan itu pelajaran melalui televisyen mula diperkenalkan pada tahun 1972 dengan pelancaran Perkhidmatan Televisyen Pendidikan dengan biaya permulaan sebanyak RM 11.3 juta. Menjelang tahun 1975 sejumlah 5,500 buah televisyen dan 2,500 penjanakuasa (untuk sekolah yang tiada kuasa elektrik) telah dibekalkan ke sekolah di bandar dan luar bandar. Pada awal tahun 1980, kira-kira 92 peratus daripada sekolah di negara ini telah dilengkapi dengan radio dan televisyen.

Bagi melicinkan dan memaksimumkan penggunaan Rancangan Televisyen Pendidikan di sekolah, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan pula penggunaan alat perakam video kaset (VCR) dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada tahun 1979. Ia juga bertujuan mengatasi masalah penyelarasan jadual waktu dengan masa siaran rancangan televisyen pendidikan.

Selain daripada membekalkan peralatan media ke sekolah, Kementerian Pendidikan turut melengkapkan Pusat Sumber Pendidikan Daerah (sekarang dikenali sebagai Pusat Kegiatan Guru) dengan peralatan teknologi seperti bahan percetakan,